



TERBARU ... Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid melawat ruang rawatan klinik UNIMAS Sebayor, Kota Samarahan, semalam.

Hospital pengajar UNIMAS rancakkan bidang perubatan

.....
NORLIZA TINGGAL

KOTA SAMARAHAN, Rabu — Pembinaan hospital pengajar di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dilihat sebagai pusat pengajaran dan penyelidikan, perubatan serta mampu menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai menjelang 2015.

Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid berkata, universiti itu memerlukan hospital sendiri untuk melengkapkan pembelajaran pelajar tentang selok-belok bidang perubatan dan penubuhannya penting supaya penuntut mendapat latihan berkesan sebagai persediaan untuk memberi perkhidmatan setelah bergelar doktor.

“Pihak UNIMAS menghantar kertas cadangan kepada Kera-

jaan Persekutuan untuk membina sebuah hospital di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Namun masih menunggu keputusan daripada mereka memandangkan pembinaan hospital itu memerlukan kos tinggi,” ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di perasmian Pembukaan klinik UNIMAS Sebayor, Kota Samarahan hari ini.

Katanya, sekiranya diluluskan ia akan membawa faedah kepada negara kerana hospital universiti memainkan peranan terutama dalam bidang perubatan dan penyelidikan.

Ujarnya, kekangan terbesar untuk membina hospital pengajar itu adalah kewangan kerana kos pembinaannya menelan belanja yang besar.

“Sebuah katil sahaja menelan

belanja RM1.3 bilion dan kita telah kemukakan cadangan dengan mengurangkan bilangan katil daripada 600 katil kepada 400 katil sahaja. Kertas cadangan itu telah siap sepenuhnya dan hanya menunggu kelulusan dan tapak pembinaannya telah ditetapkan di sebelah fakulti perubatan UNIMAS,” katanya.

Tambahnya, setiap tahun, UNIMAS melahirkan sekurang-kurangnya 80 doktor dan bilangan itu bertambah dari tahun ke tahun. Beliau berharap, kelulusan bagi pembinaan hospital itu dipercepatkan supaya sasaran itu dapat dicapai.

“Dengan adanya hospital itu, UNIMAS mampu mendapatkan pengalaman serta membuat kajian dan penyelidikan kerana hospital pengajar itu akan dilengkapi dengan pelbagai peralatan moden,” katanya.